

12/05/2002

Isu Palestin titik pertemuan

Jamhariah Jaafar

APA KATA AHMAD AZAM (Abim)

TANGGAL 8 Mei, 2002, mencatat satu sejarah yang menyaksikan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor menghadiri satu majlis, bukan saja menandatangani satu memorandum yang membabitkan satu pendirian bersama, bahkan saling menyambut salam sebagai tanda perpaduan Islam. Majlis Syarahan Perdana Palestin dan Kemanusiaan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), menjadi platform terhadap peristiwa yang menjanjikan 1001 harapan ke arah penyatuan umat Islam dan Melayu di negara ini. Wartawan Berita Minggu JAMHARIAH JAAFAR menemu bual Presiden Abim, Ahmad Azam Abdul Rahman, manakala JAMUDIN IDRIS menemui Ketua Pengarah DBP, Datuk Abdul Aziz Deraman. Mereka bersama Pengerusi Lembaga Jawatankuasa Pengelola DBP, Datuk Rahim Bakar dan Ketua Bahagian Agama, Falsafah dan Tamadun Islam DBP, Wan Hamid Wan Teh, bertanggungjawab memujuk semua pemimpin terbabit untuk duduk di atas satu pentas dan saling lengkap melengkapi dalam membahaskan isu Palestin.